



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8.
KOMPLEKS E
Complex E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6077
Faks : 03-8889 4548
Laman web: http://www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 Jld. 4 (23)
Tarikh : 7 Disember 2020

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2020**

**PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN KASUT DAN STOKING HITAM ATAU PUTIH
OLEH MURID SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI
TAHUN 2021**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Penguatkuasaan Pemakaian Kasut dan Stoking Hitam atau Putih oleh Murid Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Mulai Tahun 2021.

LATAR BELAKANG

2. KPM sentiasa prihatin akan keperluan bagi ibu bapa menyediakan kelengkapan persekolahan anak masing-masing sebelum bermula sesi persekolahan baharu. Bagi memudahkan ibu bapa dalam memenuhi keperluan tersebut, Mesyuarat Profesional KPM Bil.39/2020 bertarikh 17 November 2020 telah memutuskan bahawa, mulai tahun 2021, semua murid dibenarkan untuk memilih sama ada memakai kasut berwarna hitam atau berwarna putih serta stoking mengikut warna kasut yang dipakai.

PELAKSANAAN

3. Peraturan pemakaian kasut dan stoking oleh murid sekolah rendah dan menengah sepanjang sesi persekolahan mulai tahun 2021 adalah seperti berikut:

- 3.1 **kasut berwarna hitam hendaklah dipakai bersama-sama stoking berwarna hitam; atau**
- 3.2 **kasut berwarna putih hendaklah dipakai bersama-sama stoking berwarna putih.**

4. KPM juga telah menetapkan bahawa kasut adalah yang diperbuat daripada kanvas atau daripada bahan sintetik lainnya seperti *nylon* dan *polyester* yang mempunyai daya resap dan penyaluran gerak udara dengan mengambil kira faktor keselesaan, keselamatan dan kesihatan (3S).

TARIKH KUAT KUASA

5. SPI ini **berkuat kuasa serta merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2018: Pelaksanaan Pemakaian Kasut Dan Stoking Berwarna Hitam Oleh Murid Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia** bertarikh 20 November 2018 adalah dibatalkan.

7. SPI ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983: Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah bertarikh 9 Mac 1983.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. HABIBAH ABDUL RAHIM)

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia